

27/07/1998

Isu CPF rakyat Malaysia bukan baru

ISU caruman rakyat negara ini dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) Singapura bukan perkara baru, malah mula dibangkitkan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sejak awal 1990-an.

Keengganan Kerajaan Singapura mengubah peraturan yang tidak membenarkan rakyat Malaysia dari Semenanjung mengeluarkan wang mereka dalam CPF sehingga berusia 55 tahun, memaksa MTUC mendapatkan bantuan rakan seperjuangannya di dalam Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan Singapura (STUC).

Dalam kenyataan pada 1 Disember 1994, Presiden MTUC, Zainal Rampak, dilaporkan berkata, beliau akan berbincang dengan Setiausaha Agung STUC mengenai isu terbabit.

Tindakan MTUC adalah berikutan aduan ramai rakyat Malaysia dari Semenanjung yang pernah bekerja di republik itu serta mencarum dalam CPF tidak dibenarkan mengeluarkan wang mereka apabila meninggalkan negara berkenaan.

Ketika itu, kira-kira 50,000 bekas pekerja rakyat Malaysia dilaporkan mencarum dengan kumpulan wang simpanan di negara terbabit.

Dalam reaksinya terhadap isu yang sama, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan ketika itu, Datuk Dr Affifuddin Omar, menyifatkan isu itu boleh dikaji dan diselesaikan atas dasar 'antara kerajaan dengan kerajaan'.

Bagaimanapun, ketika ditemui wakil Berita Harian pada pertengahan Julai lalu, Zainal ternyata kesal kerana rakan seperjuangan di dalam STUC tidak banyak membantu MTUC menyelesaikan isu itu.

Pada 8 Ogos 1995, akhbar Business Times (Singapura) melaporkan kenyataan Menteri Buruhnya, Lee Boon Yang, bahawa caruman rakyat Malaysia dalam CPF tetap tidak boleh dikeluarkan sehingga mereka berusia 55 tahun walaupun kini pekerja asing di republik itu dikecualikan mencarum di dalam kumpulan wang simpanan itu.

Isu berkenaan mendapat perhatian serius Kerajaan Malaysia apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa hairan dengan sikap Kerajaan Singapura yang mengamalkan dasar berlainan terhadap Semenanjung berbanding Sabah dan Sarawak berhubung isu CPF.

Dalam reaksinya terhadap isu itu pada 3 Julai lalu, Perdana Menteri dilaporkan berkata, beliau juga tidak faham kenapa kerajaan negara jiran itu mengangap Sabah dan Sarawak bukan sebahagian daripada Malaysia.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus mengadakan rundingan dengan Kerajaan Singapura untuk mencari jalan penyelesaian bagi membolehkan wang pekerja dari Semenanjung dalam CPF boleh dikeluarkan.

(END)